

TANGANI MASALAH KETIRISAN SUBSIDI




NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

PENDEDAHAN demi pendedahan kes penyeludupan dan ketirisan dalam barang-barang bersubsidi cukup membimbangkan kita. Kerajaan dikatakan rugi lebih RM900 juta sepanjang tahun lalu akibat penyelewengan dan salahguna barangan bersubsidi. Misalnya, daripada RM1.9 bilion subsidi yang diperuntukkan untuk gas cecair petroleum (LPG) pada 2015 kira-kira 40 peratus atau sekitar RM760 juta daripadanya diseleweng atau disalahguna oleh pelbagai pihak yang mengambil kesempatan dan tidak amanah. Terkini didedahkan penyelewengan membabitkan minyak masak pula sudah mencecah RM540 juta setahun.

Persoalannya kenapa perkara ini masih terus berlaku dan di mana silapnya? Apa lagi yang tidak kena sehingga kerajaan dan rakyat terus dikhianati dan terpaksa menanggung beban kewangan yang tinggi seperti ini. Akibatnya, rakyat yang sepatutnya menikmati manfaat daripada subsidi yang kerajaan sediakan terpaksa gigit jari dan menanggung peningkatan kos dan harga yang tinggi.

Secara umumnya dapat dirumuskan isu ketirisan ini berpunca daripada aspek penguatkuasaan dan juga mekanisme pemberian dan pengagihan subsidi. Walaupun pihak berkuasa dilihat banyak melakukan serbuan dan berusaha keras membanteras penyelewengan barangan bersubsidi namun masalah ini tetap belum selesai. Justeru timbul persoalan sejauh mana aspek penguatkuasaan benar-benar berkesan dan mampu menangani masalah ketirisan seperti ini?

Hal ini wajar dikaji semula kerana kita juga dari semasa ke semasa didedahkan ketirisan dalam aspek penguatkuasaan terutamanya di kawasan sempadan membabitkan



PENGARAH Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Pahang, Sharuddin Jali (kanan) bersama pegawainya meninjau tangki simpanan diesel yang berjaya dirampas di Pelabuhan Kuantan, tahun lepas. - UTUSAN

isu rasuah, salah guna kuasa dan juga pecah amanah dalam kalangan anggota penguat kuasa. Walaupun bukan semua bersikap seperti ini namun tingkah laku segelintir anggota penguat kuasa yang tamak, tidak jujur, mahu cepat kaya dan mengkhianati rakyat dan negara ini dilihat cukup serius, bahaya dan merisaukan.

Justeru aspek penguatkuasaan perlu dimantapkan lagi agar isu ini dapat ditangani secara menyeluruh. Dalam hal ini perlu ada tindakan agresif dan segera untuk menyekat pihak sindiket bersekongkol dengan segelintir anggota penguat kuasa. Tempoh masa penempatan giliran tugas anggota penguat kuasa misalnya di lokasi yang sensitif perlu dikaji lagi di samping mengenakan hukuman yang setimpal kepada yang pecah amanah.

Isu kawalan sempadan perlu diperincikan semula agar sempadan baik di darat mahupun laut tidak dibolos dengan sewenang-wenangnya oleh sindiket yang terus bermaharajalela. Kita perlu sentiasa memastikan barang-barang bersubsidi tidak terlepas ke negara jiran begitu saja. Secara peribadi penulis rasa cukup geram dan marah apabila barangan keperluan asas seperti minyak masak, beras dan LPG yang

sepatutnya memberi manfaat kepada rakyat diseludup dengan mudah ke negara jiran akibat daripada kelemahan dalam aspek penguatkuasaan di sempadan.

Jelas dalam hal ini rasuah terus menjadi duri dalam daging. Justeru, pokok pangkalnya untuk menghapuskan isu ketirisan subsidi dari aspek kelemahan penguatkuasaan kita perlu membanteras gejala rasuah dalam kalangan segelintir anggota penguat kuasa yang bertugas di sempadan. Maka, kita harap dalam soal ini pihak kerajaan dapat melibatkan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara lebih aktif dan serius.

Pastikan SPRM diberi peranan yang khusus untuk membantu membanteras gejala rasuah dalam kalangan anggota penguat kuasa. Dan setelah mengambil kira keseriusan isu ketirisan ini mungkin tidak keterlaluan untuk penulis mencadangkan agar SPRM menempatkan pegawai mereka di agensi penguatkuasaan yang kritikal dan sensitif terutamanya di kawasan sempadan agar mereka dapat memantau secara berterusan dan sepenuh masa.

Dalam pada itu, aspek mekanisme pengagihan subsidi kepada golongan sasaran juga perlu dikaji semula. Pada masa sekarang se-

mua pihak dapat membeli barang keperluan asas yang diberikan subsidi tanpa mengambil kira status pendapatan diri mahupun isi rumah. Ini menyebabkan wujud keadaan seolah-olah rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana (B40 dan M40) terpaksa berebut dan bersaing dengan golongan berpendapatan tinggi dalam mendapatkan subsidi yang kerajaan sediakan.

Kita faham niat murni kerajaan yang memberikan subsidi untuk pelbagai barangan keperluan asas agar rakyat dapat mengurangkan beban peningkatan kos sara hidup namun dalam hal ini kita juga perlu memastikan niat murni tersebut dapat diselaraskan dan diuruskan dengan sebaik mungkin oleh semua pihak di peringkat pelaksanaan dan operasi.

Justeru sudah tiba masanya untuk kerajaan menilai semula kaedah pengagihan subsidi yang dilaksanakan sekarang. Apa yang penting perlu pastikan kumpulan sasaran dapat menikmati subsidi tanpa sebarang halangan dan masalah. Untuk itu perlu ada proses tapisan dan kawalan yang sewajarnya supaya barangan ini sampai ke tangan kumpulan sasaran.

Perlu diingatkan, pemberian subsidi tidak salah malah amat wajar sekali tetapi yang menjadi masalah adalah kaedah pengagihan yang kurang sistematik serta gejala rasuah yang cuba menghancurkan segala-segalanya.

Semoga pendedahan eksklusif akhbar *Utusan Malaysia* tentang ketirisan barangan bersubsidi yang terus berleluasa dapat membuka mata semua pihak supaya kita lebih serius menangani masalah ini. Diharap kerjasama jitu semua agensi yang terlibat dapat merungkai masalah ketirisan, salahguna kuasa, rasuah, pecah amanah dan juga penyelewengan yang berlaku dalam proses pengagihan subsidi barangan keperluan asas kepada kumpulan sasaran yang layak.